

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan

Sidang Akademik 1994/95

Jun 1995

FKF 334 - Kemoterapi

Masa: 3 Jam

Kertas ini mengandungi ENAM (6) soalan.

Jawab LIMA (5) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia.

.....2/-

2.

(FKF 334)

1. (A) Terangkan mekanisma tindakan penisilin dan pengkelasan agen antimikrob dalam kumpulan ini.

(10 markah)

- (B) Lukiskan struktur bagi setiap nama kimia berikut:

- (i) 5-fluoro-2,4(1H,3H)-pirimidinadion
- (ii) 9-(2-hidroksietoksimetil)guanina
- (iii) 1-siklopropil-6-fluoro-1,4-dihidro-4-okso-7-(1-piperazinil)-3-kuinolinakarboxilik asid.

(10 markah)

.....3/-

3.

(FKF 334)

2. (A) Anda diberi suatu drug dengan nama kimia berikut:

4-dimetilamino-1,4,4a,5,5a,6,11,12a-oktahidro
3,6,10,12,12a-pentahidroksi-6-metil-1,11
-dioksonaftasena-2-karboksamida.

Berdasarkan nama kimia tersebut di atas, jawab (i) - (iii) berikut:

- (i) Lukiskan struktur dan nyatakan kegunaan klinikal utamanya.
- (ii) Terangkan pengionannya dalam keadaan pH fisiologik.
- (iii) Terangkan mengapa kesannya menurun jika diambil bersama susu.

(10 markah)

(B) Bincangkan mekanisme tindakan dan kegunaan klinikal:

- (i) metronidazol
- (ii) mebendazol

(10 markah)

.....4/-

4.

(FKF 334)

3. (A) Bincangkan:

- (i) kesan ketokonazol terhadap sintesis testosteron.
- (ii) pengelasan agen anti-malaria

(8 markah)

(B) Bincangkan mekanisme tindakan dan kegunaan klinikal primakuin.

(7 markah)

(C) Bincangkan tentang drug anti-kanser kelas agen pengalkil dan sertakan contoh.

(5 markah)

.....5/-

5.

(FKF 334)

4. (A) (i) Huraikan kesan-kesan sampingan agen anti-kanser.

(5 markah)

(ii) Beri satu contoh serta mekanisme tindakan drug yang boleh digunakan untuk merawat herpes simpleks.

(5 markah)

(B) Huraikan prinsip penggunaan agen antimikrob aminoglikosid dan penisilin pada pesakit yang mempunyai kekurangan fungsi ginjal.

(10 markah)

5. (A) Bincangkan rasional tentang kombinasi-kombinasi berikut:

- (i) ampicilin dan sulbaktam
- (ii) terbitan oksazafosforina dan mesna
- (iii) sulfametoksazol dan trimetoprim

(10 markah)

.....6/-

6.

(FKF 334)

5. (B) Terangkan kesan sampingan agen antimikrob tetrasiklin dan rasional terapinya (prinsip penggunaannya dalam rawatan).

(10 markah)

6. (A) Terangkan dengan menggunakan contoh kerintangan bakteria terhadap agen antimikrob.

(10 markah)

- (B) Bincangkan kestabilan kimia bagi (i) - (iii) berikut:

- (i) 3,3-dimetil-7-okso-6-fenilasetamido-4-tia-1-azabisiklo[3,2,0]heptana-2-karboksilik asid
- (ii) N,N-bis(2-kloroetil)metilamina
- (iii) 1,4-bis(metanasulfonoksi)butana

(10 markah)

oooOOooo